

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

**MENTERI KEMENTERIAN PERDAGANGAN**

**DALAM NEGERI**

**& HAL EHWAL PENGGUNA**

**MALAM ANUGERAH FRANCAIS MALAYSIA**

**2018**

**18 SEPTEMBER 2018 (SELASA)**

**PUTRAJAYA MARRIOT HOTEL, IOI RESORT**

**BISMILAH...**

**TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS,**

**ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA**

- **YAB TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD**  
**PERDANA MENTERI MALAYSIA**
- **YANG BERBAHAGIA DATO' SRI JAMIL BIN SALLEH**  
**KETUA SETIAUSAHA, KPDNHEP**
- **YANG BERBAHAGIA DATUK RADZALI BIN HASSAN**  
**PENGERUSI, PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA (MFA)**

**PARA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN.**

**ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA KERANA ATAS RAHMAT DAN LIMPAH KURNIANYA KITA DAPAT BERTEMU PADA MAJLIS MALAM ANUGERAH FRANCAIS MALAYSIA (MAF) 2018, PENGANJURAN BUAT KALI KE-21 INI.**

**TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA YAB TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, PERDANA MENTERI KERANA SUDI BERSAMA-SAMA KITA DALAM MAJLIS ANUGERAH INI. DI KESEMPATAN INI JUGA, SAYA INGIN**

**MERAKAMKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA (MFA) DI ATAS PENGANJURAN YANG CUKUP BERPRESTIJ INI.**

**SEMEMANGNYA MFA CUKUP KONSISTEN DALAM PENGANJURAN PROGRAM-PROGRAM SERTA AKTIVITI YANG MEMBERI MANFAAT KEPADA AHLI-AHLINYA DALAM USAHA UNTUK MEMAJUKAN INDUSTRI FRANCAIS NEGARA. TAHNIAH JUGA DIUCAPKAN KEPADA JAWATANKUASA PENGANJUR YANG BERTUNGKUS LUMUS MEMASTIKAN KELANCARAN MAJLIS PADA MALAM INI.**

**HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,**

**INDUSTRI FRANCAIS TERUS MEMBERI SUMBANGAN YANG POSITIF TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA. WALAUPUN DALAM SUASANA EKONOMI YANG SEMAKIN MENCABAR, NAMUN INDUSTRI FRANCAIS DILIHAT MASIH MAMPU BERTAHAN DAN TERUS MENUNJUKKAN PERKEMBANGAN POSITIF, SECARA TIDAK LANSUNG MENYUMBANG KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA.**

**PADA TAHUN 2017, SUMBANGAN INDUSTRI FRANCAIS KEPADA KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK) MALAYSIA BERJUMLAH RM 27.67 BILION BERSAMAAN DENGAN 3.4% DARIPADA KDNK NEGARA. SEHINGGA KINI, JUMLAH PERNIAGAAN FRANCAIS YANG BERDAFTAR DENGAN PENDAFTAR FRANCAIS, KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA ADALAH BERJUMLAH 877 SYARIKAT.**

**DARIPADA JUMLAH INI, SEJUMLAH 570 ADALAH JENAMA FRANCAIS TEMPATAN MANAKALA 307 JENAMA LAGI MERUPAKAN JENAMA FRANCAIS ASING. SELAIN ITU, JUMLAH JENAMA FRANCAIS MALAYSIA DI LUAR NEGARA JUGA TELAH MENUNJUKKAN PENINGKATAN.**

**SEBANYAK 65 JENAMA FRANCAIS MALAYSIA BERBANDING HANYA 29 JENAMA FRANCAIS PADA TAHUN 2008, TELAH BERKEMBANG KE 66 BUAH NEGARA DENGAN SEJUMLAH 4,271 OUTLET DI SELURUH DUNIA. STATISTIK INI JELAS MENUNJUKKAN BAHAWA INDUSTRI FRANCAIS MAMPU MEMBERI IMPAK DAN SUMBANGAN KEPADA EKONOMI NEGARA.**

**SUMBANGAN INDUSTRI FRANCAIS DI MALAYSIA JUGA BOLEH DILIHAT MELALUI TAHAP PENGURUSAN YANG LEBIH EFISYEN SERTA PRODUKTIVITI DAPAT DITAWARKAN DALAM MEMENUHI KEHENDAK DAN KEPERLUAN PENGGUNA MELALUI**

- PEMINDAHAN PENGETAHUAN DAN TEKNOLOGI**
- PENINGKATAN BILANGAN USAHAWAN BERDAYA SAING**
- PEWUJUDAN PELUANG PEKERJAAN**
- PRODUK DAN PERKHIDMATAN YANG LEBIH BERKUALITI, MODEN DAN SELESA.**

**KEMENTERIAN INI SENTIASA BERUSAHA UNTUK MELETAKKAN INDUSTRI FRANCAIS SEBAGAI SEKTOR UTAMA YANG MENYUMBANG KEPADA KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK) MALAYSIA BUKAN SAHAJA DARI SEGI PEMBANGUNAN**

**KEUSAHAWANAN, PENAWARAN LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN DAN MEMBERI NILAI TAMBAH KEPADA PENGGUNA, MALAHAN LEBIH JAUH DARIPADA ITU.**

**KOMITMEN KERAJAAN MENERUSKAN SERTA MEMPERTINGKATKAN AKTIVITI SERTA PROGRAM PEMBANGUNAN FRANCAIS NEGARA MELALUI PROGRAM PENGUKUHAN FRANCAIS BAGI MENINGKATKAN EKSPORT (EFDP). PROGRAM INI BERTUJUAN BAGI MENGGALAKKAN PENEROKAAN PASARAN, MEMBINA KAPASITI SERTA MODAL INSAN DAN MENGGALAKKAN EKSPORT JENAMA FRANCAIS TEMPATAN KE PERINGKAT ANTARABANGSA.**

**STRATEGI PENGANTARABANGSAAN INDUSTRI FRANCAIS MELALUI GABUNGAN DUA PROGRAM DI BAWAH KEMENTERIAN INI IAITU EFDP DAN MISI PERDAGANGAN ANTARABANGSA, BERTUJUAN AGAR PARA PENGGIAT FRANCAIS TEMPATAN TERUS KEKAL BERDAYA SAING DAN MENEMBUSI PASARAN BARU BAGI MEMENUHI PERMINTAAN GLOBAL.**

**DI SAMPING UNTUK MEMASTIKAN AGAR AGENDA KERAJAAN UNTUK MENJADIKAN FRANCAIS SEBAGAI HUB DI RANTAU ASIA TENGGARA TERLAKSANA.**

**WALAU BAGAIMANAPUN, MASIH BANYAK RUANG DAN PELUANG YANG PERLU DIAMBIL BAGI MEMASTIKAN SEKTOR FRANCAIS MALAYSIA SENTIASA BERADA DI TAHAP YANG BOLEH DIBANGGAKAN. KERAJAAN AMAT PRIHATIN DENGAN CABARAN PERNIAGAAN SEMASA.**

**DI PIHAK KPDNHEP, KOMITMEN SAYA, AGAR SETIAP JENTERA KEMENTERIAN DAPAT MENGENALPASTI CABARAN YANG DIHADAPI OLEH INDUSTRI FRANCAIS DAN MERANGKA STRATEGI PELAKSANAAN UNTUK MENGHADAPI CABARAN TERSEBUT, AGAR INDUSTRI FRANCAIS NEGARA DAPAT KEKAL BERKEMBANG.**

**SAYA MENYERU KEPADA MFA YANG MEMPUNYAI KEAHLIAN DARIPADA PELBAGAI LATAR BELAKANG DAN KEPAKARAN MENJADI MENTOR KEPADA PARA USAHAWAN DALAM MENJALANKAN PERNIAGAAN MEREKA. MFA BOLEH BERPERANAN SEBAGAI PUSAT RUJUKAN ATAUPUN ONE STOP CENTRE BUKAN SAHAJA KEPADA PARA USAHAWAN FRANCAIS MALAHAN JUGA KEPADA AGENSI KERAJAAN YANG TERLIBAT DALAM PROGRAM KEUSAHAWAN.**

**DI SAMPING ITU, SAYA MENYERU KEPADA AGENSI-AGENSI KERAJAAN DAN SWASTA YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG MAHUPUN TIDAK LANGSUNG DENGAN INDUSTRI FRANCAIS AGAR DAPAT MEMBERIKAN SOKONGAN YANG LEBIH JITU KEPADA INDUSTRI FRANCAIS DENGAN MEMPERBANYAKKAN PENGLIBATAN SYARIKAT-SYARIKAT FRANCAIS DALAM PROGRAM-PROGRAM SEPERTI PROMOSI PRODUK DAN PERKHIDMATAN MALAYSIA.**

**ADALAH MENJADI HARAPAN SAYA AGAR SINERGI ANTARA KERAJAAN DAN INDUSTRI INI DITERUSKAN DALAM USAHA UNTUK MEMARTABATKAN INDUSTRI FRANCAIS NEGARA.**

**DENGAN KOMITMEN SEMUA PIHAK, SAYA YAKIN INDUSTRI FRANCAIS DI MALAYSIA AKAN MENCIPTA SEJARAH YANG LEBIH CEMERLANG.**

**ANUGERAH FRANCAIS MALAYSIA MERUPAKAN PENGIKTIRAFAN TERTINGGI YANG DIBERIKAN KEPADA PARA PENGGIAT FRANCAIS DI MALAYSIA YANG TELAH MENUNJUKKAN KOMITMEN YANG BERTERUSAN DALAM MENINGKATKAN KUALITI DAN MENUNJUKKAN PERTUMBUHAN SERTA PRESTASI YANG POSITIF DALAM PERNIAGAAN FRANCAIS MEREKA. TAHNIAH SAYA UCAPKAN KEPADA SEMUA PEMENANG.**

**AKHIR KATA, SAYA MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA MFA DAN JAWATANKUASA PENGANJUR DI ATAS PENGANJURAN ACARA YANG BERPRESTIJ INI DAN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA YANG HADIR DAN TURUT SAMA MENJAYAKAN MALAM ANUGERAH FRANCAIS MALAYSIA 2018 INI.**

**SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.**